

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

NO. KENYATAAN SEBUT HARGA : BIL.PSUKPP 23/2011

1. **PELAWAAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub-kepala : **210104** bagi melaksanakan perkhidmatan berikut :-

No. Sebut Harga	Tajuk
BIL.PSUKPP 23/2011	Membekal, Membangun, Memasang, Menguji dan Mentauliah Sistem Tempahan Berpusat Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

2. **PENDAFTARAN**

Syarikat-syarikat yang ingin membeli sebut harga ini dikehendaki mendaftar melalui **e-Perolehan Negeri** di **Kaunter KONKOS, Paras 3, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** dan dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran asal daripada Kementerian Kewangan dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor beserta salinannya dan *business card* (salinan sijil dan *business card* tidak dikembalikan).

3. **DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 3.1 Dokumen sebut harga boleh dibeli melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>
- 3.2 Harga setiap dokumen ialah **RM10.00** senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>

4. **SKOP RINGKAS SEBUTHARGA**

Bil.	Item
1.	Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk membangunkan sistem tempahan berpusat berasaskan web bertujuan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dalam menguruskan tempahan kemudahan di bawah pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkumi penggunaan tempahan Dewan Sri Pinang dan Banglo Negeri.

PERHATIAN

Maklumat terperinci mengenai Sebut Harga Bagi Membekal, Membangun, Memasang, Menguji dan Mentauliah Sistem Tempahan Berpusat Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti di dalam Dokumen Sebut Harga yang boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan Negeri di alamat url <http://ep.penang.gov.my>